

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	LARANGAN GUNA BEG PLASTIK SEKALI GUNA DIPERLUAS
	SUMBER	BH (19 APRIL 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

Larangan guna beg plastik sekali guna diperluas

Peraturan baharu babit kawasan pemuliharaan alam semula jadi, premis tetap

Oleh Muhammad Asyraff Hafizi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Larangan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna akan diperluas ke kawasan Hutan Simpan, Taman Negara dan Taman Negeri, Taman Laut serta Tapak Warisan Geologi dan Geotapak di seluruh negara.

Langkah proaktif mengurangkan pencemaran plastik itu diputuskan dalam Mesyuarat Menteri Alam Sekitar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) Bilangan 1 Tahun 2025, kelmarin.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata larangan sama turut dikenakan di premis tetap seperti pasar raya, kedai serbaneka, restoran makanan segera, farmasi dan lain-lain premis berkaitan.



Nik Nazmi mempengerusikan Mesyuarat Menteri Alam Sekitar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE), semalam. (Foto Facebook NRES)

Kaedah pelaksanaan diperhalus

"Kaedah pelaksanaan akan diperhalus dan disesuaikan mengikut keperluan dan kemampuan negeri masing-masing.

"Usaha ini sebahagian daripada pendekatan mendidik masyarakat mengenai penting penggunaan bahan mesra alam demi kesejahteraan generasi akan datang," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mesyuarat MEXCOE yang dipengerusikan Nik Nazmi

menghimpunkan tujuh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang memegang portfolio alam sekitar serta pegawai dari pelbagai kementerian dan agensi berkaitan.

Mesyuarat itu turut bersetuju memperkukuh usaha sama di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam membanteras aktiviti pemprosesan sisa elektrik dan elektronik (e-waste) secara haram.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap premis haram

yang terbabit dalam aktiviti itu bagi menghentikan peningkatan e-waste haram dari luar negara. Mesej yang ingin kita sampaikan adalah jelas, aktiviti haram mengancam alam sekitar tidak akan dikompromi.

"Kementerian turut menyebarkan Panduan Amalan Hijau Majlis Rumah Terbuka Lestari sempena musim perayaan bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan gaya hidup mesra alam," katanya.

2.	TAJUK	TELUK GONG KAWASAN INDUSTRI PERTAMA DI SELANGOR LAKSANA ZDP
	SUMBER	BH (19 APRIL 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

Telok Gong kawasan industri pertama di Selangor laksana ZDP

Shah Alam: Taman Perindustrian Telok Gong menjadi kawasan perindustrian pertama di Selangor yang terbabit dalam pelaksanaan Peraturan-Peraturan Pelesenan Pembuangan Air Kembalikan dan Kemusnahan atau Pelepasan Bahan Buangan dan Bahan Pencemar (Negeri Selangor) 2024 atau *Zero Discharge Policy* (ZDP).

EXCO Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin, berkata langkah pelaksanaan ZDP itu dimulakan di kawasan berkenaan melalui jalinan kerjasama negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bersama Persatuan Pekilang-Pekilang Telok Gong.

Katanya, jalinan kerjasama juga membabitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN),

Pelabuhan Klang, Azmizam Zaman Huri pada satu sesi libat urus pada 5 Disember 2024.

"LUAS turut giat turun padang memberi pemakluman kepada premis industri di kawasan Telok Gong berhubung pengawalan pelepasan dari premis serta keperluan kepada lesen ZDP berkenaan.

"Sehingga kini, sebanyak 92 lesen ZDP dikeluarkan kepada premis industri di kawasan Telok Gong.

"Kerajaan negeri menyasarkan dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan ZDP ini, disusuli dengan inisiatif lain



Jamaliah Jamaluddin

oleh LUAS serta agensi terbabit seperti Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK), kualiti sumber air di kawasan Telok Gong dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih baik untuk jangka panjang," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Jamaliah berkata, ZDP bermula selepas pelaksanaan River Monitoring Program (RMP) sejak April 2023 yang mana sehingga kini, sebanyak empat kali persampelan dilakukan di kawasan Sungai Telok Gong.

Katanya, susulan kepada

RMP itu, LUAS memulakan inisiatif Pemuliharaan Kualiti Air di Telok Gong bermula pada Disember 2024 membabitkan beberapa kawasan merangkumi Jalan Ikan Tampang (aliran ke Sungai Langat), Jalan Udang Galah (aliran ke Sungai Langat) dan Pos PGA Jati Perajurit (aliran ke Selat Lumut).

"Hasil inisiatif itu, kualiti air di kawasan terbabit menunjukkan peningkatan berbanding sebelumnya.

"Sehingga Mac lalu, status Indeks Kualiti Air (IKA) bagi kawasan itu mencapai Kelas Ketiga iaitu Sederhana Tercemar dan masih boleh digunakan bagi pembekalan air mentah dengan adanya rawatan intensif," katanya.

3.	TAJUK	LEMAS BERASAP ! KILANG TEMPURUNG KELAPA DIARAH HENTI OPERASI SERTA-MERTA
	SUMBER	HARIAN METRO (21 APRIL 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (LOKAL)

Lemas berasap!

Kilang hasil tempurung kelapa diarah henti operasi serta-merta

Oleh Zuliaty Zulkaffli
azu@harianmetro.com.my

Kohang Pasa

Sebuah kilang memproses tempurung kelapa untuk menghasilkan *carbon black* diarah menghentikan operasi serta-merta berikutan pencemaran udara yang mengundang ketidakelesaan penduduk di kawasan setempat.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah, Sharifah Zakiyah Syed Sahab berkata, pihaknya menerima aduan Jumaat lalu berhubung pencemaran udara dan siasatan dilakukan pada hari sama.

Beliau berkata, premis dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) mengikut Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dilakukan kelmarin atas kegagalan mengadakan unit cerobong dan alat kawalan pencemaran udara di dalam premis ketika aktiviti pembakaran tempurung kelapa dilakukan sehingga menyebabkan pencemaran udara ketara.

"Penahanan serta-merta tidak dapat dilakukan serta-merta Jumaat lalu ke-

"Penahanan serta-merta tidak dapat dilakukan serta-merta Jumaat lalu kerana keadaan peralatan yang masih panas dan boleh membahayakan penguat kuasa"

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas) Kedah, Sharifah Zakiyah Syed Sahab

rana keadaan peralatan yang masih panas dan boleh membahayakan semua pegawai penguat kuasa.

"Tindakan POK diambil bagi menghentikan pencemaran daripada terus berlaku.

"Premis diarahkan menghentikan operasi supaya langkah-langkah pembaikan dilakukan segera bagi mengawal pencemaran yang berlaku," katanya.

Sharifah Zakiyah berkata, notis Arahan Seksyen 31 dan 37 mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dikeluarkan kepada premis untuk tindakan pembaikan dan penyelenggaraan sege-



KILANG memproses tempurung kelapa diarahkan tutup serta-merta berikutan pencemaran udara.



PENGUAT kuasa Jas bersama pengusaha kilang memproses tempurung kelapa.

ra dalam tempoh POK.

Beliau berkata, premis akan dibenarkan beroperasi semula selepas Jas Kedah berpuas hati dengan tindakan pembaikan yang diambil.

"Pihak industri ditingatkan sentiasa mematuhi sepejabatnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan di bawahnya serta memastikan tidak menyebabkan pencemaran kepada alam sekeliling.

"Orang ramai diminta melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau emel ke aduan_kaj@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://aduan.doe.gov.my>," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**